

BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM129.2 JUTA PADA 1Q2024

SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Bersih Kumpulan meningkat 9.4% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM129.2 juta
 - Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) Tahunan adalah 7.7% dan Perolehan Sesaham (EPS) 5.70 sen
 - Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 2.4% y-o-y kepada RM67.8 bilion
 - Komposisi CASATIA teguh pada 40.1%
 - Kedudukan modal yang kukuh dengan Nisbah Jumlah Modal pada 19.6%
-

KUALA LUMPUR, Selasa, [21 Mei 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM129.2 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2024 (1Q2024). Peningkatan itu mencerminkan kenaikan ketara sebanyak 9.4% berbanding tempoh sama pada 2023, seterusnya mempamerkan daya tahan dan keupayaan Kumpulan dalam mengemudi dinamik pasaran yang berkembang. Prestasi tersebut diterjemahkan kepada EPS sebanyak 5.70 sen dan ROE bersih tahunan 7.7%.

Sebahagian besar peningkatan keuntungan bersih dipacu oleh pendapatan bersih lebih tinggi dan peruntukan bersih lebih rendah untuk rosot nilai ke atas pembiayaan.

Peningkatan dalam pendapatan bersih Kumpulan adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan berasaskan dana bersih, yang mengukuh sebanyak 5.4% kepada RM528.9 juta, didorong oleh pertumbuhan y-o-y dalam sekuriti pembiayaan dan pelaburan. Kenaikan itu membolehkan peningkatan 8 mata asas (bps) dalam margin pendapatan bersih (NIM), mencecah 2.14% untuk 1Q2024 berbanding 2.06% yang dicatatkan pada 1Q2023. Bagaimanapun, pendapatan bukan berasaskan dana Kumpulan menurun sebanyak RM16.5 juta atau 15.6%, berikutan pendapatan pelaburan yang lebih rendah dalam tempoh tinjauan.

Peruntukan bersih untuk rosot nilai ke atas pembiayaan dan pendahuluan Kumpulan meningkat sebanyak 31.8% kepada RM42.3 juta berbanding tempoh sama pada 1Q2023.

Jumlah overhead untuk 1Q2024 meningkat 4.1% kepada RM371.3 juta berbanding 1Q2023 seiring pelaburan Kumpulan dalam inisiatif modal insan, digital dan teknologi.

Setakat 31 Mac 2024, jumlah aset Kumpulan berada pada RM91.0 bilion, didorong oleh pertumbuhan sekuriti pembiayaan dan pelaburan, dan telah diimbangi oleh dana tunai dan dana-dana jangka pendek yang lebih rendah. Aset bersih sesaham bernilai RM3.29.

Pembiayaan kasar meningkat 2.4% y-o-y kepada RM67.8 bilion, manakala deposit pelanggan dan akaun pelaburan berjumlah RM76.4 bilion. Akaun pelaburan semasa

dan simpanan serta transaksi (CASATIA) kekal teguh, berjumlah RM30.6 bilion pada akhir Mac 2024. Ia membentuk 40.1% daripada jumlah akaun deposit pelanggan dan pelaburan. Nisbah yang sihat menekankan amalan pengurusan kecairan berhemat dan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi keperluan kewangan asas pelanggannya yang pelbagai.

Setakat 31 Mac 2024, nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah 0.95% dan kekal di bawah purata industri sebanyak 1.62%. Sementara itu, Nisbah Jumlah Modal Kumpulan kekal kukuh pada 19.6%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata Kumpulan kekal teguh dalam komitmennya terhadap kestabilan kewangan jangka panjang dengan mengimbangi pertumbuhan strategik bersama-sama dengan pengurusan kualiti aset yang berhemat.

"Kumpulan akan mengutamakan pengukuhan asasnya dan memberi tumpuan terhadap disiplin lembaran imbalan dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi.

"Kami juga akan menyokong secara aktif pelaksanaan model perniagaan baharu untuk mempelbagaikan penyelesaian pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan inovatif yang akan membezakan Bank Islam dalam pasaran yang kompetitif. Selain itu, kami bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan bukan berasaskan dana dan mempercepatkan pertumbuhan pembiayaan, pada masa sama mengembangkan tawaran pengurusan kekayaan dan mengukuhkan kedudukan dalam pasaran runcit," katanya.

Mohd Muazzam menambah bahawa Bank Islam juga akan memberi tumpuan dalam memupuk pertumbuhan CASATIA, memanfaatkan perkongsian strategik dan mempromosikan transaksi tanpa tunai terutamanya dalam sektor runcit serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Bank Islam kekal berdedikasi terhadap misi kami untuk memperkasakan individu, perniagaan dan masyarakat dengan memacu kemakmuran ekonomi serta memastikan kesejahteraan kewangan mereka," katanya.

Jangkaan masa depan

Bank Islam menjangkakan pertumbuhan pendapatan yang lebih baik apabila ia mengembangkan jumlah pembiayaannya. NIM dijangka akan stabil, disokong oleh usaha berterusan dan OPR yang kekal tidak berubah. Penting dalam strategi Bank adalah pengurusan NIM yang teliti, memberi tumpuan pada pengimbangan semula komposisi pembiayaan. Kedua-dua portfolio runcit dan bukan runcit dijangka menjadi pemacu pertumbuhan pembiayaan bagi tahun ini.

Selain itu, Bank Islam akan memberi tumpuan kepada mengoptimumkan kos melalui pelbagai inisiatif. Pendekatan strategik ini memastikan perbelanjaan bermakna terhadap bidang yang memberikan manfaat ketara, sekali gus memaksimumkan penciptaan nilai.

Mohd Muazzam menekankan bahawa tumpuan kepada pelanggan kekal menjadi fokus utama Bank Islam, khususnya dalam memanfaatkan inovasi digital untuk meningkatkan pengalaman pelanggan sambil mengutamakan kepantasan dan kebolehsuaian dalam penawaran perkhidmatan.

Beliau menjelaskan, “Dengan menggunakan pendekatan perjalanan pelanggan yang komprehensif serta memperhalusi tawaran dan proses di cawangan, kami berhasrat untuk menggunakan sumber-sumber digital bagi memperkukuhkan kelebihan teknologi. Memanfaatkan sumber ini akan membolehkan Bank memupuk keterlibatan pelanggan yang lebih mendalam menerusi pengumpulan dan analisis cerapan yang dibuat. Usaha ini adalah penting dalam meningkatkan NIM dan menyesuaikan cadangan nilai bagi memenuhi keperluan pelanggan kami yang berubah-ubah.”

Bank terus memberi tumpuan terhadap komitmen kemampuannya melangkaui prestasi kewangan. Ia termasuk pendekatan proaktif untuk menangani perubahan iklim, menyokong komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan dan kewangan serta menangani impak berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Usaha ini termasuk penambahbaikan pengurusan risiko iklim, proses saringan pengumpulan data pelepasan Skop 1 dan 2 dan menyusun data pelepasan Skop 3 menjelang akhir tahun 2024, selaras dengan kawal selia semasa.

Usaha proaktif dan strategik Bank Islam untuk menyokong ekonomi hijau membuahkan hasil. Pembiayaan hijau melebihi sasaran awal RM4 bilion menjelang 2025 kepada RM4.59 bilion setakat 31 Mac 2024.

Inisiatif kewangan sosial Bank Islam, Sadaqa House, bersama program pembiayaan mikro iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju, terus menerajui usaha pemerksaan komuniti melalui keusahawanan. Ia mencerminkan dedikasi Bank terhadap pembangunan ekonomi inklusif, seterusnya mengukuhkan kepimpinannya dalam bidang kewangan sosial.

Sehingga 1Q2024, iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju telah memberi impak positif kepada 111 usahawan mikro menerusi pengagihan lebih RM2.58 juta dalam bentuk pembiayaan campuran, manakala peruntukan tambahan sebanyak RM263,000 disalurkan untuk menyokong 28 usahawan asnaf di bawah program pencepat pendanaan Bank Islam. Bank Islam juga menandatangani perjanjian kerjasama dengan Persatuan Usahawan-Usahawan Sosial Sabah (SOSEA) untuk menyokong perusahaan sosial yang bermatlamat untuk mewujudkan impak sosial sambil menyumbang kepada ekonomi sebenar.

Pada masa yang sama, Bank telah memulakan inisiatif kepelbagaian, ekuiti, dan keterangkuman (DEI) dalaman yang sejajar dengan Pelan Kemampuannya. Usaha ini berperanan sebagai rangka kerja panduan untuk amalan alam sekitar, sosial dan etika. Inisiatif termasuk memasukkan Penyata DEI dalam iklan kerjaya dan borang pra-pekerjaan, melaksanakan pengaturan kerja yang fleksibel untuk menyokong keseimbangan kerja-kehidupan kakitangan dan menganjurkan program *Live Well* untuk memenuhi pelbagai keperluan tenaga kerja termasuk menyediakan sokongan psikologi.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.